



# V.I.R

visionary.informative.responsive

BULETIN  
CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK  
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA

## CKE

### Ke Arah Pusat Kecemerlangan JKR



**Ceramah  
Pelaksanaan & Pendekatan**

## ISLAM HADHARI



**Taklimat Pengenalan**  
JURUTERA-JURUTERA ELEKTRIK  
GRED J41 BARU



Taklimat dan Bengkel Pelaksanaan  
**BALANCED SCORECARD (BSC) &  
BUSINESS PROCESS IMPROVEMENT (BPI)**

Edisi ke 2, 2008

EDARAN DALAMAN JKR



02

VIR diterbitkan secara berkala oleh Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Ibu Pejabat JKR Malaysia untuk edaran dalaman JKR.

## Sidang Redaksi



**PENAUNG:** Ir. Haji Mohd Fazli b. Osman **PENASIHAT:** En. Muhammed Tarmizy b. Yaacob **KETUA EDITOR:** Pn. Hanifah bt. Abdullah **EDITOR:** Ashrif b. Abdul Jalil **SIDANG PENGARANG:** Khairul Anuar b. Zakaria, Mohd Fadhlín, Noor Azila bt Khazaimah, Hani Syazana bt Harun, Ng Ping Ping, Noor Hezri b. Rasid, Shahrul Affendy b. Abu Bakar, Norshahfariz b. Bisni, Mohd Fatihi b. Mustafar, Aiza bt. Abdul Adzis **GRAFIK/FOTOGRAFI:** Mohd Farihan b. Mohd Zain

## Dari Meja Editorial



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.



yukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah-Nya, keluaran kedua Buletin Cawangan Kejuruteraan Elektrik

telah disempurnakan untuk diterbitkan bagi tahun 2008.

Bermula keluaran ini, buletin cawangan ini akan dikenali sebagai 'VIR' yang dijana daripada teori asas elektrik. Berbekalkan slogan 'Visionary, Informative & Responsive', adalah diharapkan agar buletin ini dapat dijadikan salah satu wadah penyebaran maklumat yang bermanfaat kepada warga kerja cawangan ini.

Semoga sidang pembaca sekalian memperoleh sedikit sebanyak intipati bermanfaat daripada maklumat yang dipaparkan pada keluaran kali ini.

'Salam Maal-Hijrah & Selamat Tahun Baru 2009'

Sekian, terima kasih.

*Ashrif bin Abd. Jalil*

## Apa itu V.I.R ?

VIR merupakan simbol-simbol asas kepada sistem elektrik. V ialah simbol kepada voltan, I ialah arus dan R melambangkan rintangan. simbol ini telah diajar kepada kita sejak dari bangku sekolah rendah lagi dan merupakan 'International symbol' yang digunakan diseluruh dunia.

Dengan inspirasi tersebut, CKE dengan bangganya menamakan buletin CKE dengan nama VIR. Walaubagaimanapun, Sebagai sebuah Cawangan Pakar di JKR yang dipimpin oleh seorang pemimpin yang berwawasan dan ditadbir berlandaskan perancangan strategik bagi mencapai suatu matlamat dan hala tuju yang jelas, CKE mempunyai definasi tersendiri bagi huruf-huruf asas elektrik tersebut.

**V – Visionary    I – Informative    R – Responsive**

**Visionary** bermaksud CKE sentiasa berpandangan jauh dan berwawasan dan mendokong Visi dan Misi JKR. **Informative** memberi erti CKE akan memastikan buletin ini dijadikan sebagai satu media untuk menyampaikan maklumat, keterangan, isu-isu terkini yang berguna untuk semua staf. **Responsive** melambangkan CKE sentiasa bersedia dan mudah memberikan kerjasama atau reaksi yg bersifat membantu terhadap sesuatu usaha yang dilaksanakan oleh JKR.

# Ceramah PELAKSANAAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI

Pada 25hb Julai 2008, satu ceramah berkenaan 'Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari' telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Cawangan Kejuruteraan Elektrik. Program ini bermula pada jam 8.30 pagi dan telah dirasmikan oleh Pengarah Kanan CKE, Tn Ir Hj Mohd Fazli bin Osman.

Program anjuran Bahagian Penyelarasan dan Khidmat Sokongan, Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah dihadiri oleh 50 orang warga kerja CKE. Ceramah selama dua (2) jam bertajuk 'Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari' telah disampaikan oleh En Norzaidan b. Hamad, Penolong Pengarah di Bahagian Hadhari dan Pembangunan Insan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Objektif program ini dijalankan bertujuan untuk menjelaskan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam konsep Islam Hadhari dan seterusnya memupuk dan meningkatkan etika dan integriti berlandaskan nilai-nilai agama dalam urusan kerja seharian.



## Taklimat Pengenalan

# JURUTERA-JURUTERA ELEKTRIK GRED J41 BARU

Bahagian Penyelarasan dan Khidmat Sokongan, Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah mengadakan satu sesi Taklimat Pengenalan Jurutera-jurutera Elektrik Gred J41 yang baru dilantik pada 20hb Oktober 2008. Taklimat yang diadakan di Bilik Mesyuarat Utama telah dihadiri oleh seramai 11 orang Jurutera baru. Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pakar, Ir. Dr. Mohd Johari bin Md Ariff telah berbesar hati menghadiri taklimat tersebut mewakili Pengarah Kanan dengan disertai oleh beberapa orang pegawai kanan CKE.

Taklimat dimulakan dengan sesi pengenalan Jurutera-jurutera baru dan disusuli oleh ucapan dan amanat ringkas dari Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pakar. Seterusnya di adakan pula slide presentation ringkas mengenai Cawangan Kejuruteraan Elektrik yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Penyelarasan & Khidmat Sokongan. Taklimat telah di akhiri dengan sesi soal jawab.

Pihak CKE berharap dengan mengadakan taklimat seperti ini, pegawai-pegawai lantikan baru akan lebih mengetahui mengenai organisasi CKE serta fungsi-fungsi dan tanggungjawab unit-unit yang terdapat dibawahnya.



# *Taklimat dan Bengkel Pelaksanaan* **BALANCED SCORECARD (BSC) &** **BUSINESS PROCESS IMPROVEMENT (BPI)** *di Cawangan Kejuruteraan Elektrik*

Bahagian Penyelarasan dan Khidmat Sokongan, Cawangan Kejuruteraan Elektrik dengan kerjasama pejabat 'Chief of Staff' (CoS) telah menganjurkan Bengkel dan Taklimat Pelaksanaan 'Balanced Scorecard' (BSC) dan 'Business Process Improvement' (BPI) pada 22-23hb Julai 2008. Program yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama CKE selama dua hari ini telah dihadiri oleh Pengarah Kanan, Ketua-Ketua Bahagian, Ketua-ketua Unit serta 'Change Agents' yang telah dilantik dikalangan pegawai CKE.



Pada sesi pagi hari pertama program, taklimat berkenaan Pengenalan Pelaksanaan Balanced Scorecard (BSC) telah disampaikan oleh En. Rusdi bin Mohamad, Ketua Penolong Pengarah Kanan dari Pejabat 'CoS' dan diikuti dengan sesi bengkel pelaksanaan BSC pada sesi sebelah petang. Taklimat kedua berkenaan Pelaksanaan Business Process Improvement (BPI) pula telah disampaikan oleh pihak perunding yang diwakili oleh En Ruslan b. Yusoff.

Program ini dirancang bertujuan memberi penjelasan berkenaan proses merangka pelan pelaksanaan serta aplikasi prosedur kerja secara berterusan yang bertepatan dengan visi dan misi JKR.



## LAPORAN KESELURUHAN

## FLYING SQUAD CKE

Sejak Flying Squad diperkenalkan pada Januari 2008, terdapat 19 keseluruhan projek yang telah diaudit. Daripada 19 projek tersebut, terdapat 451 penemuan yang telah dikenalpasti. Penemuan ini berpunca daripada Kelemahan Rekabentuk, Kelemahan Pembinaan, Kelemahan Penyenggaraan dan Tidak Mematuhi Akta. Kesimpulan Keseluruhan adalah seperti Jadual 1.

Penetapan tahap-tahap penemuan telah diwujudkan dan ia seperti Jadual 2:

| PENEMUAN<br>TAHAP                                                                       | KELE-<br>MAHAN<br>REKABEN-<br>TUK | KELA-<br>MAHAN<br>PEMBI-<br>NAAN | KELE-<br>MAHAN<br>PENYENG-<br>GARAAN | TIDAK<br>MEMATUHI<br>AKTA |
|-----------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------|----------------------------------|--------------------------------------|---------------------------|
| Tahap  | 6                                 | 24                               | 1                                    | 0                         |
| Tahap  | 60                                | 176                              | 16                                   | 2                         |
| Tahap  | 41                                | 105                              | 17                                   | 3                         |
| Jumlah Pen-<br>emuan                                                                    | 107                               | 305                              | 34                                   | 5                         |
| Jumlah<br>Keseluruhan                                                                   | 451                               |                                  |                                      |                           |


Jadual 1

| PENEMUAN<br>TAHAP                                                                         | KRITERIA PENEMUAN                                                                       |
|-------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------|
| Tahap 1  | Berfungsi, Mencatatkan Pemandangan, Tindakan Pembetulan Tidak Melibatkan Kos            |
| Tahap 2  | Berfungsi, Tindakan Pembetulan Melibatkan Kos, Tidak Bahaya, Susah Disenggara           |
| Tahap 3  | Tidak Berfungsi, Tidak Boleh Disenggara, Tidak Mematuhi Spesifikasi dan EMAL, Merbahaya |

Jadual 2

Carta 1 menunjukkan peratusan aspek kelemahan yang telah dikenalpasti. Didapati Kelemahan Pembinaan mencatatkan peratusan tertinggi bagi aspek kelemahan, diikuti oleh Kelemahan Rekabentuk, Kelemahan Penyenggaraan dan Tidak Mematuhi Akta.

Bermula Oktober 2008, aktiviti Flying Squad ini telah diambil alih oleh Bahagian Perunding Rekabentuk atas arahan Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik dalam usaha untuk memantapkan pelaksanaannya dengan memberi lebih fokus kepada isu-isu rekabentuk.



Carta 1: Aspek Kelemahan

## FORM OF SEGREGATION FOR MSB


Pada 19 September 2008, pihak UIPT telah mengadakan latihan dalaman unit yang turut juga dihadiri oleh Kumpulan Tugas Khas dan Bahagian Perunding Rekabentuk Kumpulan C bertujuan perkongsian ilmu. Tajuk yang dibincangkan pada hari tersebut adalah 'Form of Segregation For MSB' mengikut IEC 60439-1 / BS EN 60439-1. Taklimat tersebut telah diberikan oleh En. Mohd Nafie Bin Maslan dari Unit Urusetia Sektor Pakar. Beliau pernah berkhidmat di Powerwell Sdn. Bhd. selama 2 tahun.

Hasil audit Flying Squad yang telah dijalankan sebelum ini, didapati kebanyakan MSB yang terdapat ditapak bukan dari Form 2B. Perkara ini berlaku berkemungkinan pegawai yang menjaga di tapak tidak mengetahui secara keseluruhan apakah sebenarnya kriteria bagi Form 2B. Kebanyakan MSB yang terdapat di tapak terdiri dari Form 1, dimana tiada pengasingan diantara pengalir busbar dan functional unit. Pemasangan MSB jenis Form 2B adalah penting bagi mencegah bahaya daripada sentuhan tidak sengaja ke atas sesuatu konduktor tidak bersalut seperti busbars.

Berikut merupakan kriteria bagi Form 2B:

*Busbar separation is achieved by metallic or non-metallic rigid barriers or partitions.*

*Terminals are separated from the busbars, but not from functional units or each other.*



Form 2B

\*Nota keseluruhan bagi taklimat tersebut boleh diperolehi dari laman web CKE.

# LAPORAN PERJAWATAN

SENARAI LANTIKAN BARU, NAIK PANGKAT DAN PERTUKARAN STAF CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK, JKR MALAYSIA DARI BULAN JUN-OKTOBER 2008

## LANTIKAN BARU

|    | NAMA PEGAWAI                         | JAWATAN                    | PENEMPATAN                       |
|----|--------------------------------------|----------------------------|----------------------------------|
| 1  | RUSLINA BINTI OMAR                   | JURUTERA ELEKTRIK          | BPR C, CKE                       |
| 2  | ABDUL AZIZ BIN A. WAHAB              | JURUTERA ELEKTRIK          | BPR D, CKE                       |
| 3  | NOOR FAEZAH BINTI HAMDI              | JURUTERA ELEKTRIK          | BPR C, CKE                       |
| 4  | AHMAD SYUKRI BIN BUKHARI             | JURUTERA ELEKTRIK          | BPR D, CKE                       |
| 5  | MOHD AINOR BIN YAHYA                 | JURUTERA ELEKTRIK          | UIPT, CKE                        |
| 6  | ASHRIF BIN ABD JALIL                 | JURUTERA ELEKTRIK          | BPKS, CKE                        |
| 7  | NOOR AZIRA BINTI IBRAHIM             | JURUTERA ELEKTRIK          | UICT, CKE                        |
| 8  | HANI SYAZANA BINTI HARUN             | JURUTERA ELEKTRIK          | UPK, CKE                         |
| 9  | HILDA BINTI AHMAD FADZIL             | JURUTERA ELEKTRIK          | BPR A, CKE                       |
| 10 | ISMAIL BIN A. RAHIM                  | JURUTERA ELEKTRIK          | UICT, CKE                        |
| 11 | JUHANIS BINTI MOHD ALIAS             | JURUTERA ELEKTRIK          | BPR A, CKE                       |
| 12 | NOOR SYAHIDA BINTI MOHD FUAT         | JURUTERA ELEKTRIK          | BPR C, CKE                       |
| 13 | NORAZLINA BINTI ROZALI               | JURUTERA ELEKTRIK          | BPR D, CKE                       |
| 14 | MOHAMAD RAHIM AL-GHAZI BIN KAMALUDIN | JURUTERA ELEKTRIK          | UICT, CKE                        |
| 15 | ROUZIAH BINTI SAD ZALI               | JURUTERA ELEKTRIK          | UICT, CKE                        |
| 16 | SARAVANAN A/L SUBRAMANIAM            | JURUTERA ELEKTRIK          | UNIT PERUNDING AKUSTIK, CKE      |
| 17 | NORSHAHFARIZ BIN BISNI               | JURUTERA ELEKTRIK          | KUMPULAN TUGAS KHAS, CKE         |
| 18 | MOHAMAD ZAFARUDDIN BIN MD RAMLEE     | JURUTERA ELEKTRIK          | BPR D, CKE                       |
| 19 | MOHD NAFIE BIN MASLAN                | JURUTERA ELEKTRIK          | BAHAGIAN PERKHIDMATAN PAKAR, CKE |
| 20 | ELVAS BIN NORDIN                     | JURUTERA ELEKTRIK          | BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, CPK |
| 21 | ROLLAND A/L ENTINGIE                 | JURUTERA ELEKTRIK          | BPR C, CKE                       |
| 22 | MOHD NOORZAIDY BIN MAHMOOD           | PENOLONG JURUTERA ELEKTRIK | UICT, CKE                        |
| 23 | NOORDIANA BT ARIS                    | PENOLONG JURUTERA ELEKTRIK | UNIT PERUNDING AKUSTIK, CKE      |
| 24 | MOHD AIZAT BIN ARIFFIN               | PENOLONG JURUTERA ELEKTRIK | BPKS, CKE                        |
| 25 | HASNIZAM BIN HASHIM                  | PENOLONG JURUTERA ELEKTRIK | BPR, CKE                         |
| 26 | ELFRON BIN LASUIN                    | PENOLONG JURUTERA ELEKTRIK | BPR B, CKE                       |

## NAIK PANGKAT

|   | NAMA PEGAWAI                        | JAWATAN                    | PENEMPATAN                    |
|---|-------------------------------------|----------------------------|-------------------------------|
| 1 | ABDULLAH BIN ABDUL RAHIM            | PENOLONG JURUTERA ELEKTRIK | BPR D, CKE                    |
| 2 | WAN MOHAMAD KHAIRIL BIN WAN ROSSLAN | PENOLONG JURUTERA ELEKTRIK | BPR D, CKE                    |
| 3 | JOHARI BIN HUSIN                    | PENOLONG JURUTERA ELEKTRIK | KUMPULAN TUGAS KHAS, BPR, CKE |
| 4 | BUSTAMAN BIN YAACOB                 | PENOLONG JURUTERA ELEKTRIK | UPS, CKE                      |

## CUTI BELAJAR

|   | NAMA PEGAWAI              | JAWATAN           |
|---|---------------------------|-------------------|
| 1 | ABDUL MUHAIMIN BIN MAHMUD | JURUTERA ELEKTRIK |

### Petunjuk:

BPR : Bahagian Perunding Rekabentuk  
 BPKS : Bahagian Penyelarasan dan Khidmat Sokongan  
 UICT : Unit ICT  
 USPM : Unit Standard, Pengujian dan Makmal

## LANTIKAN BARU

|    | NAMA PEGAWAI                          | JAWATAN             | PENEMPATAN     |
|----|---------------------------------------|---------------------|----------------|
| 27 | SITI HANISAH BINTI MOHD SIDEK         | JURUTEKNIK ELEKTRIK | BPR A, CKE     |
| 28 | MOHD KAMARUL BIN ESA                  | JURUTEKNIK ELEKTRIK | UPS, CKE       |
| 29 | FAIRUZ FAIZ BIN KAMARUDDIN            | JURUTEKNIK ELEKTRIK | BPR B, CKE     |
| 30 | MUHAMAD GHAZALI BIN LOKMAN            | JURUTEKNIK ELEKTRIK | BPR E, CKE     |
| 31 | WAN ALIAZWAN BIN WAN MAMAT            | JURUTEKNIK ELEKTRIK | BPR D, CKE     |
| 32 | SYED AHMAD NADZIF BIN SYED ABDULLAH   | JURUTEKNIK ELEKTRIK | CKE TERENGGANU |
| 33 | ZULKARNAIN BIN YASAK                  | JURUTEKNIK ELEKTRIK | BPR D, CKE     |
| 34 | MOHD RAZALI BIN SALIKOLATI            | JURUTEKNIK ELEKTRIK | BPR C, CKE     |
| 35 | MOHD NOR HASLI BIN MAT JUSOH          | JURUTEKNIK ELEKTRIK | CKE TERENGGANU |
| 36 | NUR AFIDAH BINTI KHAIRUDIN            | JURUTEKNIK ELEKTRIK | BPR C, CKE     |
| 37 | IZA SYAFINA BINTI SHARIF ALI          | JURUTEKNIK ELEKTRIK | CKE PERAK      |
| 38 | SHAHRIIL BIN GHAFAR                   | JURUTEKNIK ELEKTRIK | CKE JOHOR      |
| 39 | AZUAN BIN ROSLY                       | JURUTEKNIK ELEKTRIK | BPR A, CKE     |
| 40 | HARLIMI BIN MOHD NORWAWI              | JURUTEKNIK ELEKTRIK | UICT, CKE      |
| 41 | MOHD AZMAN BIN IDRIS                  | JURUTEKNIK ELEKTRIK | BPR C, CKE     |
| 42 | MOHD FIRDAUS BIN MAT ZIN              | JURUTEKNIK ELEKTRIK | USPM, CKE      |
| 43 | MOHD REDZUAN BIN CHE PIN              | JURUTEKNIK ELEKTRIK | BPR B, CKE     |
| 44 | MOHD SHAFARIN BIN YUNUS               | JURUTEKNIK ELEKTRIK | BPR A, CKE     |
| 45 | MUHAMMAD NAJIB BIN MUHAMMAD SAMSUDDIN | JURUTEKNIK ELEKTRIK | BPR A, CKE     |
| 46 | MUHAMMAD SHARIF JEEV BIN ABDULLAH     | JURUTEKNIK ELEKTRIK | BPR D, CKE     |
| 47 | NOORMAZELINIE BT JAAFAR               | JURUTEKNIK ELEKTRIK | USPM, CKE      |
| 48 | ROZANA BT ZAINOL ABIDIN               | JURUTEKNIK ELEKTRIK | BPR D, CKE     |
| 49 | ROZIDI BIN OTHMAN                     | JURUTEKNIK ELEKTRIK | AKUSTIK, CKE   |
| 50 | RUZMAN BIN ABDUL RAZAK                | JURUTEKNIK ELEKTRIK | AKUSTIK, CKE   |
| 51 | TUAN SAPAWI BIN TUAN ABDULLAH         | JURUTEKNIK ELEKTRIK | BPR A, CKE     |

## BERTUKAR

|    | NAMA PEGAWAI                   | JAWATAN                    | PENEMPATAN                                             |
|----|--------------------------------|----------------------------|--------------------------------------------------------|
| 1  | NIK IBRAHIM BIN NIK ABDULLAH   | JURUTERA ELEKTRIK PENGUASA | Kem. Tenaga Air & Komunikasi KE CKE IP JKR             |
| 2  | WAN RIFHAN BINTI WAN AB. RAHIM | JURUTERA ELEKTRIK          | CKE Negeri Sembilan KE CKE IP JKR                      |
| 3  | LILYWATI BINTI MANAP           | JURUTERA ELEKTRIK KANAN    | CKE IP JKR KE Jab. Penerbangan Awam, Kem. Pengangkutan |
| 4  | NORLIANA BINTI MD YUSUF        | JURUTERA ELEKTRIK          | CKE IP JKR KE CKE Negeri Sembilan                      |
| 5  | AZISWAN ZAMIN BIN ABDUL AZIZ   | JURUTERA ELEKTRIK          | CKE IP JKR KE KEM. PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN       |
| 6  | NOOR KHAIRANI BINTI KHAIRUDDIN | PENOLONG JURUTERA ELEKTRIK | KEM. BELIA DAN SUKAN KE UPK CKE IP JKR                 |
| 7  | NOR MURNI BINTI BASIR          | JURUTEKNIK ELEKTRIK KANAN  | CKE IP JKR KE JKR PUTRAJAYA                            |
| 8  | KESAVAN A/L LETCHUMANAN        | JURUTEKNIK ELEKTRIK        | BPR D, CKE IP JKR KE CKE KEDAH                         |
| 9  | MOHAMAD HAKIM BIN MD HASHIM    | JURUTEKNIK ELEKTRIK        | BPR C, CKE IP JKR KE CKE PULAU PINANG                  |
| 11 | MUHAMMAD FIRDAUS BIN AHMAD     | JURUTEKNIK ELEKTRIK        | UNIT PERUNDING AKUSTIK CKE IP JKR KE CKE KEDAH         |

# DIARI CKE

## JAMUAN PERPISAHAN PUAN AUDRAY BT. MASLIM



Pada 29 Oktober 2008 (Khamis) satu majlis meraikan Puan Audray Bt. Maslim, Penolong Jurutera Elektrik – J29 telah diadakan di pejabat Unit Perunding Senggarā. Majlis tersebut sempena perletakkan jawatan Puan Audray daripada JKR kerana beliau telah ditawarkan bekerja di Syarikat SESCO, Sarawak. Seluruh warga UPS, CKE merakamkan penghargaan atas sumbangan beliau selama 5 tahun di JKR.



## AUDIT MANUAL PROSEDUR SENGGARA

Bermula pada bulan Julai sehingga November, Unit Perunding Senggara telah menjalankan Audit Manual Prosedur Senggara (MPS) keseluruhan JKR Elektrik Negeri bagi memantau pematuan pemakaian MPS di seluruh negeri. Audit tersebut juga bertujuan mendapatkan maklumbalas bagi tujuan penambahbaikan yang akan dibentangkan kepada semua KJEN.



## PERLAWANAN PERSAHABATAN BADMINTON.

Pada 15 Julai 2008 telah diadakan perlawanan persahabatan Badminton diantara kakitangan Unit Perunding Senggara, CKE dengan JKR Elektrik Selangor di Seksyen 17 Shah Alam, Selangor. Perlawanan tersebut bagi mengeratkan hubungan dikalangan kakitangan Cawangan Kejuruteraan Elektrik. Walaupun tewas 4–1 kepada JKR Elektrik Selangor, pemain-pemain dari Unit Perunding Senggara, CKE telah berjaya menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi dengan menerima kekalahan tersebut dengan hati terbuka. En Jefre Bin Othman, Penolong Jurutera Kanan selaku wakil KJE, UPS telah menyampaikan hadiah kepada semua pemain yang menyertai perlawanan persahabatan tersebut.



# DIARI CKE

## PERLAWANAN PERSAHABATAN FUTSAL

Pada 4 November 2008 telah diadakan perlawanan persahabatan Futsal diantara kakitangan Unit Perunding Senggara, CKE dengan JKR Elektrik Selangor di Seksyen 15 Shah Alam, Selangor. Perlawanan tersebut bagi mengeratkan hubungan dikalangan kakitangan Cawangan Kejuruteraan Elektrik. Walaupun tewas 20 – 11 kepada JKR Elektrik Selangor, pemain-pemain dari Unit Perunding Senggara, CKE telah berjaya menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi dengan menerima kekalahan tersebut dengan hati terbuka. En Ibrahim Dahalan, Jurutera Elektrik Penguasa selaku wakil KJE, JKR Elektrik Selangor telah menyampaikan hadiah kepada En. Kadirani selaku pengurus pasukan JKR Elektrik Selangor dan En. Jefre selaku pengurus pasukan Unit Perunding Senggara, CKE.



## TAKLIMAT TEKNIKAL



Pada 7 November 2008, Unit Perunding Senggara, Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah mengadakan taklimat teknikal bertajuk "Stabilizer Power Supply" di Bilik Motor Lif, Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Mr. Kok Siew Heng. Taklimat teknikal ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada Cawangan Kejuruteraan Elektrik (Unit Perunding Senggara, Unit Standard, Pengujian & Makmal), Cawangan Pengurusan Senggara Fasilitas Bangunan, JKR Elektrik

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan JKR Worksyop Persekutuan. Pada majlis tersebut turut diadakan penyerahan peralatan "Automatic Voltage Stabilizer" dan "Electronic Power Digital" kepada Cawangan Pengurusan Senggara Fasilitas Bangunan yang diwakili En. Mohamad Azreen Bin Hamidiah oleh Ir. Zuraidah Bt. Muhamad, Jurutera Elektrik Penguasa mewakili KJE, UPS.

## JAMUAN PERPISAHAN Ir. HJH. AZURA MAHAYUDDIN SEBAGAI KJE UIPT

Bersempena dengan pertukaran penanggungjawatan KJE UIPT daripada Ir. Hjh. Azura Mahayuddin kepada Ir. Mokhtar Zainal yang telah berkuat kuasa pada 16 Ogos 2008 lalu serta perpindahan En. Johari Husin (gambar) ke Kumpulan Tugas Khas, Bahagian Perunding Rekabentuk bermula 5 Ogos 2008 kerana dinaikkan pangkat sebagai Penolong Jurutera J29, satu jamuan perpisahan telah diadakan pada 24 Oktober 2008. Jamuan ini juga diadakan sempena Jamuan Hari Raya yang dianjurkan bersama Kumpulan Tugas Khas.



## Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 1429H | 20 Oktober 2008




## KURSUS INTEGRITI UNTUK PEGAWAI CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK | 13 Oktober 2008



## GOTONG-ROYONG PERSEDIAAN 5S, Unit Standard, Pengujian dan Makmal | 16 Oktober 2008



sebelum



selepas



## Majlis Jamuan Sempena Persaraan Ir. Ng Hook Meng & Tn. Hj. Ahmad Supian | 29 Ogos 2008



## Latihan Kecemasan Kebakaran | 7 Ogos 2008



## Majlis Pelancaran Amalan 5S | 25 Ogos 2008



## PROJEK YANG TELAH DITENDER ( JUN-OCT )

### UNIT PERUNDING AKUSTIK

| Bil.                      | NAMA PROJEK                                                                                               |
|---------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| A) KONVENSIONAL PERUNDING |                                                                                                           |
| 1                         | Pemasangan Sistem ELV untuk UiTM Cawangan Kelantan,Kampus Machang- Pusat Pelajar ( KP                     |
| 2                         | Pemasangan Sistem ELV untuk Pembinaan Bangunan Tambahan Perpustakaan Negara Malaysia,Kuala Lumpur. ( KP ) |
| 3                         | Pemasangan Sistem ELV Untuk Projek Pembinaan Pejabat Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Perak ( KP )    |

| Bil.                    | NAMA PROJEK                                                                                                                  |
|-------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| B) KONVENSIONAL DALAMAN |                                                                                                                              |
| 1                       | Pemasangan Sistem ELV Untuk Projek Naiktaraf Sistem Mekanikal dan Elektrikal Di Pusat Sains Negara ( KD )                    |
| 2                       | Pemasangan Sistem ELV Untuk Projek Untuk Kompleks Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ( KD )                   |
| 3                       | Pemasangan Sistem ELV Untuk Projek Cadangan Pembinaan Resedential Hall di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur. ( KD ) |

### SENARAI AKTIVITI BAHAGIAN PERUNDING REKABENTUK (KUMP C) DARI JUN HINGGA OKTOBER

| Bil. | Aktiviti                                                                                                           | Tarikh     | Tempat                                  |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|-----------------------------------------|
| 1    | MIKRO Product Presentation (Protection Relay)                                                                      | 19/06/2008 | Bilik Bincang Kump.C                    |
| 2    | PAKATAN Engineering Resources Product Presentation (Transformer)                                                   | 10/07/2008 | Bilik Bincang Kump.C                    |
| 3    | Lawatan ke kilang                                                                                                  | 23/09/2008 | Transient Resources Sdn. Bhd. Shah Alam |
| 4    | GBE Product Presentation (Transformer)                                                                             | 14/10/2008 | Bilik Bincang Kump.C                    |
| 5    | Sesi lawatan tapak ke projek UiTM Selayang & projek Bangunan Sultan Abd. Samad bersama Ir. Hj. Azura (JEPK Kump.C) | 09/10/2008 | Tapak projek berkenaan                  |
| 6    | Taklimat Penyeliaan Tapak Dan Pemasangan Elektirk oleh PKCKE                                                       | 23/10/2008 | Bilik Bincang Kump.C                    |

### AKTIVITI UPK DARI BULAN JUN HINGGA OKTOBER 2008

#### KURSUS

#### 1. PROGRAM KOMPETENSI PENJAGA JENTERA ELEKTRIK AO/A1/A4 :

- Dikendalikan oleh pihak British Malaysian Institute (BMI).
- Bermula 30 Jun 2008 dan dijangka tamat pada 5 Disember 2008.
- Dihadiri oleh 25 orang peserta yang terdiri daripada penjaga jentera dari semua cawangan seluruh Malaysia.

#### 2. KURSUS PEMBANGUNAN INDIVIDU & ORGANISASI BERINTEGRITI :

- Tujuan bengkel : memberi pemahaman mengenai Prinsip Integrasi Nasional dan membentuk organisasi berintegriti.
- Berlangsung pada 13 – 15 Oktober 2008 di Bilik Gerakan KKR
- Dihadiri oleh PKCKE, Pengarah Bahagian serta pegawai-pegawai profesional CKE.
- Antara aktiviti kursus : Taklimat dari Institut Integriti Malaysia dan Lawatan ke Penjara Kajang.

Bersambung ke halaman 13...

3. UPK juga telah memperkenalkan kursus teknikal baru bagi kumpulan sokongan 2 iaitu Kursus Penyenggaraan Elektrik : Penjana Tunggu Sedia.
- Tarikh kursus : 20 – 24 Okt 2008 bertempat di Worksyp Latihan, Cheras.
  - Dihadiri oleh seramai 30 orang kakitangan penjaga jentera (gred R9 – R22) dari seluruh Malaysia.
  - Antara kandungan/silibus yang diperkenalkan dalam kursus ini adalah:
    - Enjin : Sistem Pelinciran, Sistem Penyejukan & Sistem Bahan Api
    - Pengulang Alik & Peredam (Damper)
    - Ujian Penjana Tunggu Sedia & Servis Penyenggaraan.

| Bil | Kursus / Seminar                                                                                 | Tarikh             |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|
| 1.  | Kursus Introduction To PA System & Professional Sound System                                     | 16 – 18 Jun 2008   |
| 2.  | Taklimat Aplikasi Critical Path Method                                                           | 18 – 20 Jun 2008   |
| 3.  | Bengkel Risk Management – Module 2                                                               | 1 – 2 Julai 2008   |
| 4.  | Taklimat Teknikal 'Power Quality Analyzer'                                                       | 24 Julai 2008      |
| 5.  | Kursus Kefahaman LS-1 & Penyeliaan Projek                                                        | 28 – 31 Julai 2008 |
| 6.  | Taklimat Teknikal 'HDCCTV Worsyop'                                                               | 5 Ogos 2008        |
| 7.  | Taklimat Teknikal 'Pre Stressed Spun Concrete Pole'                                              | 14 Ogos 2008       |
| 8.  | Kursus Inspektorat & Latihan Pepasangan Elektrik                                                 | 14 – 17 Ogos 2008  |
| 9.  | Taklimat Teknikal 'Prefabricated XLPE/PVC Branch Cables                                          | 21 Ogos 2008       |
| 10. | Taklimat Teknikal "Public Address System"                                                        | 28 Ogos 2008       |
| 11. | Kursus Pembangunan Individu & Organisasi Berintegriti                                            | 13 – 15 Okt 2008   |
| 12. | Kursus Asas Pendawaian Elektrik Untuk Sokongan 2                                                 | 13 – 17 Okt 2008   |
| 13. | Kursus Penyenggaraan Elektrik : Penjana Tunggu Sedia                                             | 20 – 24 Okt 2008   |
| 14. | Taklimat Teknikal 'Wiring Devices, Cable Management System & Lighting Management System Preview' | 29 Okt 2008        |

## PROGRAM MENTORING & COACHING

Aktiviti *Mentoring & Coaching* bersama perunding pakar (*Contract For Services*) bermula Mei 2008. 3 orang perunding pakar yang telah dilantik CKE terdiri daripada :

- Ir Ahmad Fuaad bin Kassim (*Competent & Services Engineer*)
- Ir Abdul Mokhti bin Salleh (*Lightning & Surge Protection*)
- Mr Kok Siew Heng (*Power Quality*)

Pelancaran secara rasmi program *Mentoring & Coaching* dengan unit-unit di CKE; pada hari kualiti CKE (30 Oktober 2008).

Di bawah program bersama perunding pakar, beberapa siri seminar, taklimat, dan lawatan teknikal ke tapak projek serta kilang telah diadakan. Antara lawatan yang telah dijalankan adalah lawatan teknikal ke kilang EPE Switchgear di Nilai dan FEC Cables di Klang.

Bersambung ke halaman 14...

Gambar Lawatan ke Kilang EPE Switchgear, Nilai.



Selain program-program tersebut, perunding pakar ini juga telah mengadakan kelas-kelas perbincangan khusus bersama mentee-mentee bagi mengkaji semula spesifikasi dan memberi latihan secara khusus kepada mereka.

| Bil                         | Taklimat / Seminar / Lawatan                                                          | Tarikh                       |
|-----------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------|
| Ir. AHMAD FUAAD BIN KASSIM  |                                                                                       |                              |
| 1.                          | Sistem Pemasangan Elektrik 11-kV ke Arah Pemasangan Berkualiti                        | 12 Jun 2008                  |
| 2.                          | Electrical Design Criteria & Standards for Armed Forces Buildings                     | 18 Jun 2008                  |
| 3.                          | Electrical Hazards                                                                    | 29 Julai 2008                |
| 4.                          | HV Circuit Breaker                                                                    | 15 Ogos 2008                 |
| 5.                          | HV Ring Main Units                                                                    | 22 Ogos 2008                 |
| 6.                          | Lawatan Kilang – EPE Switchgear, Nilai                                                | 26 Ogos 2008                 |
| 7.                          | Distribution Transformer - Oil immersed                                               | 3 September 2008             |
| 8.                          | Distribution Transformer - Air Cooled                                                 | 9 September 2008             |
| 9.                          | Lawatan Kilang– FEC Cables, Klang                                                     | 21 Oktober 2008              |
| 10.                         | Pemeriksaan Inspektorat – Kem TUDM Subang                                             | 23 Oktober 2008              |
| Ir. ABDUL MOKHTI BIN SALLEH |                                                                                       |                              |
| 1.                          | Introduction to Lightning & Surge Protection System                                   | 16 Mei, 23 Mei & 6 Jun 2008  |
| 2.                          | Seminar mengenai Lightning di JKR (E) Zon Timur & Lawatan Tapak ke Stadium Terengganu | 6 Ogos 2008                  |
| 3.                          | Lawatan Tapak – Knowledge Workers Institute                                           | 8 September 2008             |
| 4.                          | Lawatan Kilang – Transient Resources (mengikut kumpulan)                              | 23, 26 Sept, 16, 23 Okt 2008 |
| MR KOK SIEW HENG            |                                                                                       |                              |
| 1.                          | Power Quality & EMC for JKR                                                           | 21 Mei & 11 Jun 2008         |
| 2.                          | Basic Power Factor                                                                    | 23 Julai & 17 Sept 2008      |
| 3.                          | Seminar on Power Quality & EMC di JKR (E) Melaka                                      | 12 Ogos 2008                 |

# VIRUS KOMPUTER

## Pengenalan

Virus?? Apakah itu virus. Virus komputer boleh didefinisikan sebagai satu program komputer yang berupaya menyalin dirinya sendiri dan menjangkiti sesebuah komputer tanpa kebenaran daripada pengguna. Ia merupakan satu proses abnormal yang berlaku di dalam sistem komputer dan biasanya akan mengganggu kelancaran operasi sesuatu sistem atau tugas.

Bagaimana sesebuah fail yang dianggap virus berfungsi? Pengguna selalunya keliru dengan apa yang dikatakan sebagai virus, worm atau trojan. Berikut diberikan panduan bagaimana ancaman-ancaman ini berfungsi :-



## Virus

Biasanya akan melakukan serangan apabila fail hosnya dipindahkan daripada satu stesen ke stesen yang lain. Sebagai contoh, fail hos yang berada di dalam pendrive boleh menjangkiti komputer menerusi perpindahan fail ataupun fail hos yang berada di dalam website boleh dipindahkan apabila proses muat turun dilakukan.

## Worm

Worm pula boleh menyebarkan dirinya tanpa perlu menjadi sebahagian daripada hos, ianya boleh disebarkan dengan mudah melalui rangkaian dan thumbdrive.

## Trojan

Fail trojan pula biasanya pula tidak berbahaya sehinggalah ia di "execute"

## Sumber-sumber virus

Kebanyakan virus yang mengancam keselamatan komputer sekarang berasal dari internet. Pengguna yang menggunakan talian internet adalah lebih terdedah kepada bahaya ancaman virus. Namun begitu bagi mereka yang tiada talian internet, jangan mudah berpuas hati kerana komputer anda juga sama peluang nya untuk diserang virus ini.

Kelambakan virus yang ada kini mengambil kesempatan terhadap kemudahan rangkaian yang banyak digunakan di dunia. Ia merupakan lebuhraya yang mebolehkan virus ini bergerak pantas dari satu tempat ke tempat lain. Penggunaan kemudahan perpindahan fail dengan menggunakan konsep peer to peer juga berpotensi menjadi penyumbang terbesar perpindahan virus. Bagi menggunakan perisian seperti Kazaa dan Torrent yang mengamalkan konsep ini, pihak pengguna perlu memastikan mereka mempunyai perlindungan yang secukupnya.

Selain itu, penggunaan storan sekunder seperti Diskette dan thumbdrive menjadikan virus boleh bergerak tanpa talian internet. Oleh yang demikian sebagai pengguna bijak, kita perlu memastikan sumber yang didapati adalah selamat daripada virus.

## Ancaman virus

Sejauh mana ancaman ini membebankan pengguna? Virus memberi ancaman yang berbeza-beza mengikut kekuatan dan keupayaan virus yang dibina. Sesetengah virus diprogram untuk merosakkan fail sistem, memadamkan fail dan memformatkan harddisk. Apabila ini berlaku, data yang hilang amat sukar untuk didapati semula dan kadangkala akan rosak secara kekal. Oleh itu adalah digalakkan setiap pengguna membuat backup setiap kerja-kerja yang dilakukan secara berkala.

Ada sesetengah virus pula tidak memberi ancaman yang teruk namun akan memberi kesan terhadap keupayaan sistem komputer untuk menjalankan tugas. Virus seperti ini biasanya akan menyalin dirinya sendiri di dalam komputer sebanyak mungkin dan memastikan pengguna tahu akan kehadirannya. Biasanya kehadiran virus jenis ini dapat diperhatikan menerusi text, grafik ataupun mesej audio yang dipaparkan tanpa persetujuan pengguna. Virus ini juga akan mengambil ruang storan yang banyak di dalam RAM dan juga harddisk dan menjadikan komputer beroperasi dengan lembab dan tidak beruapay melakukan tugas secara biasa. Banyak juga virus yang berkonsep bug-ridden yang mana ianya akan menyebabkan sistem crash dan kehilangan data.



**Cawangan Kejuruteraan Elektrik**  
**Ibu Pejabat JKR Malaysia**  
**Tingkat 7-11, Centrepoint North**  
**The Boulevard, Mid Valley City**  
**59200 Kuala Lumpur.**

